

Buletin MOT

Edisi 7 • Julai 2019



Projek ECRL Dilancarkan Semula

DUNGUN, TERANGGANU,
25 JULAI 2019 - Projek
Laluan Rel Pantai Timur
(ECRL) yang sebelum ini
ditangguhkan, telah
dilancarkan semula oleh YB
Loke Siew Fook, Menteri
Pengangkutan Malaysia di
Tapak Terowong Dungun,
Rimba Bandar Bukit Bauk,
Terengganu.




Perjanjian tambahan yang telah dimeterai antara Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan China Communications Construction Company Ltd (CCCC) pada 12 April 2019 di Beijing telah membuka jalan bagi pembinaan semula dengan kos yang lebih rendah sebanyak RM44 bilion berbanding dengan kos asal RM65.5 bilion.

Projek yang ditangguhkan sejak Julai tahun lepas itu kini bermula dari Kota Bharu melalui Mentakab, Jelevu, Kuala Kelawang, Bangi/Kajang, Putrajaya dan berakhir di Pelabuhan Klang sejauh 648km, dipendekkan 40km dari laluan asal sejauh 688km.

Dengan pembinaan ECRL ini, ianya dapat mempercepatkan masa perjalanan dari Kota Bharu, Kelantan ke Putrajaya dalam masa 4 jam dengan kelajuan 160 km/j, merangkumi 20 buah stesen dengan 14 stesen terdiri daripada stesen penumpang, lima stesen gabungan penumpang dan kargo, serta satu stesen untuk tujuan kargo sahaja.

PETUNJUK :-	
●	Stesen di Kelantan
●	Stesen di Terengganu
●	Stesen di Pahang
●	Stesen di Negeri Sembilan
●	Stesen di Selangor
■	Cadangan Stesen



Peta Jajaran Laluan ECRL yang baharu.
Sumber dari Laman Rasmi MRL

Persidangan Pertama Kerjasama Logistik Hijau 2019



YB Loke Siew Fook bersama penerima anugerah pada Persidangan Pertama Kerjasama Logistik Hijau 2019

KUALA LUMPUR, 9 Julai 2019 - Persidangan Pertama Kerjasama Logistik Hijau 2019 atau "The Inaugural Green Logistics Partnership Conference 2019" telah berlangsung di Grand Ballroom, Hilton Kuala Lumpur bertujuan bagi mencapai permintaan khidmat logistik yang efisien dan inovasi yang berterusan bagi memenuhi keperluan pengguna pada hari ini.

Malaysia dipilih menjadi negara peneraju pembangunan logistik hijau dan persidangan dua hari ini menjadi satu platform kepada pemain industri logistik berkolaborasi untuk mencapai amalan terbaik dan berkongsi pengalaman untuk mencapai kecekapan logistik serta mengurangkan pelepasan karbon.

Majlis disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Turut hadir Dato' Mohd Fadli Mohd Kenali, Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan dan Encik Shogo Miyajima, Kaunselor, Pejabat Kaunselor untuk Logistik Antarabangsa, Biro Dasar Kementerian Tanah, Infrastruktur, Pengangkutan dan Pelancongan Jepun.



Pemain industri logistik berkolaborasi untuk mencapai amalan terbaik serta berkongsi pengalaman untuk mencapai kecekapan logistik serta mengurangkan pelepasan karbon



YB Loke Siew Fook bersama-sama duta-duta, Pesuruhjaya Tinggi dan pemain industri penerbangan di Majlis Resepsi Minum Petang ICAO Kategori III Bagi Penggal 2019-2022

Majlis Resepsi Minum Petang Sempena Pencalonan Malaysia Untuk Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) Bahagian Ke 3 Bagi 2019-2022

KUALA LUMPUR, 22 Julai 2019 – Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menganjurkan satu Majlis Resepsi Minum Petang bersempena dengan pencalonan Malaysia untuk Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) Kategori III Bagi Penggal 2019-2022. Ianya juga adalah sebagai satu usaha Malaysia untuk meraih sokongan bagi menduduki semula kerusi Ahli Majlis ICAO dalam pemilihan yang akan berlangsung semasa Perhimpunan Agung ICAO di Montreal pada bulan September ini.

Pelbagai usaha berterusan telah dilakukan oleh Malaysia amnya dan juga oleh pemain industri penerbangan dalam menyokong inisiatif ICAO antaranya, penubuhan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan pelbagai lagi inisiatif yang selari dengan aspirasi ICAO untuk menggalakkan keselamatan, kecekapan, perlindungan alam sekitar dan peraturan undang-undang dalam penerbangan awam antarabangsa.

Majlis ini dihadiri oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia; YB Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan; YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; Encik Ahmad Nizar Zolfakar, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM; Encik Azmir Zain Ketua Pegawai Operasi MAVCOM, Duta-Duta dan Pesuruhjaya Tinggi dari lebih 50 negara serta pemain industri penerbangan.



YB Loke Siew Fook bersama peserta Konvensyen Commuting Safety Support Program (CSSP) 2019 di Hotel Marriott, Putrajaya

Majlis Perasmian Konvensyen Commuting Safety Support Program (CSSP) 2019

PUTRAJAYA, 29 Julai 2019 - Konvensyen Commuting Safety Support Program (CSSP) yang berlangsung di Hotel Marriott, Putrajaya telah menghimpunkan wakil-wakil dari 98 syarikat yang memberikan komitmen serta kerjasama dalam melaksanakan CSSP di seluruh negara.

Program CSSP ini merupakan program kolaborasi antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dalam memberi latihan

sokongan terhadap pengurusan perjalanan selamat kepada para pekerja khususnya pencaharam PERKESO yang menaiki motosikal ke tempat kerja.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan dan turut dihadiri oleh Datuk Suret Singh, Pengerusi Lembaga Pengarah MIROS; Dr. Siti Zaharah Ishak, Ketua Pengarah MIROS dan Encik John Riba Anak Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO.

Majlis Penyerahan Lesen Vokasional (PSV) Kepada Pemandu E-Hailing Kategori Orang Kelainan Upaya (OKU)



YB Loke Siew Fook bersama-sama dengan penerima Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) pemandu e-hailing kategori Orang Kelainan Upaya (OKU)

BANDAR UTAMA, 9 Julai 2019 - Kementerian Pengangkutan telah berbesar hati menyerahkan Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) kepada 209 orang pemandu e-hailing kategori Orang Kelainan Upaya (OKU).

PSV ini diberikan kepada mereka yang telah berjaya lulus dalam sesi ujian teori PSV yang telah diadakan pada 1 Julai 2019 yang lalu. Kejayaan pemandu e-hailing OKU ini membuktikan bahawa kelainan upaya bukanlah satu penghalang, bahkan satu motivasi dan pemangkin semangat untuk terus berjaya.

Majlis perasmian dan penyampaian lesen telah disempurnakan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Turut hadir dalam majlis ini YBhg. Dato' Sri Shaharuddin Khalid, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); Encik Azlan Shah Al Bakri, Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan YM Tengku Arman Harris Tengku Ismail, Presiden Persatuan Kebajikan Orang Kelainan Upaya Pendengaran.

INFO JABATAN / AGENSI



Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1963 untuk mengambil alih pentadbiran Pelabuhan Klang daripada Keretapi Tanah Melayu. Kemudian, pada tahun 1983, fungsi, kuasa, peranan dan bidang kuasa LPK telah dipanjangkan kepada Pelabuhan Tanjung Bruas, Melaka.

PELABUHAN KLANG

Pelabuhan Klang terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, kira-kira 40 kilometer dari ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur. Kedudukan Pelabuhan Klang telah dipilih secara strategik supaya dapat memanfaatkan pasaran domestik dan antarabangsa. Pelabuhan Klang mempunyai akses terbaik kepada pangkalan kargo tempatan yang kukuh disebabkan kedudukannya yang berdekatan dengan Lembah Klang, sebuah hab perdagangan dan perindustrian. Lokasi geografi Pelabuhan Klang yang ideal menjadikan Pelabuhan Klang persinggahan pertama bagi kapal-kapal yang menuju ke timur dan persinggahan terakhir bagi kapal-kapal yang menuju ke barat untuk laluan dagangan Timur Jauh-Eropah.

Di bawah naungan LPK, dua terminal swasta Northport (Malaysia) Bhd dan Westports Malaysia Sdn Bhd, termasuk anak syarikat LPK iaitu Port Klang Free Zone telah berkembang dan menjadi semakin kukuh. Kini, LPK turut berazam untuk menjadi Hab Logistik Pilihan dan Pintu Masuk Perdagangan utama di rantau ini.

FUNGSI JABATAN



Pemudah cara perdagangan



Perancangan pelabuhan dan pembangunan



Kawal selia perkhidmatan dan kemudahan yang diswastakan



Pihak Berkuasa Zon Bebas



Pengurusan aset

Kementerian Pengangkutan Tingkatkan Hubungan Dengan Universiti Malaysia Terengganu

KUALA TERENGGANU, 25 JULAI 2019 - YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan telah mengadakan kunjungan hormat ke Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bertujuan bagi meningkatkan hala tuju antara MOT dan UMT yang boleh dilaksanakan secara bersama khususnya dalam bidang maritim. Ini termasuklah membina kolaborasi yang lebih banyak dengan pelbagai pihak dan meningkatkan usaha bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maritim dan ekonomi maritim.

Pada masa kini UMT mempunyai potensi yang sangat tinggi dalam mewujudkan lebih banyak program-program berkaitan maritim kerana mempunyai kolaborasi dengan industri-industri pengangkutan dan maritim. Kehadiran YB Menteri dan rombongan daripada MOT telah disambut oleh Professor Dato' Dr. Nor Aieni binti Mokhtar, Naib Canselor UMT.

YB Loke Siew Fook melawat tapak pameran semasa lawatan kerja beliau di Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel. : 03 8000 8000 • Faks : 03 8888 0158 • E-mel : aduan@mot.gov.my



[motmalaysia](https://www.motmalaysia.com)



[ministryoftransportmy](https://www.ministryoftransportmy)